

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

ECRL Kelantan dijangka siap enam bulan lebih awal

Proses pembinaan capai 61.7 peratus, sasaran untuk digunakan sebelum 2028

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
PASIR PUTEH

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri ini dijangka dapat disiapkan enam bulan lebih awal dari tempoh asalnya iaitu Januari 2027.

Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan, Ir Nik Soh Yaacoub berkata, setakat

ini proses pembinaannya telah mencapai 61.7 peratus melibatkan 1,520 pekerja.

"Ia melibatkan proses kemajuan pembinaan jambatan, penambahbaikan dan stesen pertama yang sedang dilancarkan iaitu di Tunjong, Kota Bharu.

"Sasaran kita kemudahan ini dapat digunakan sebelum 2028 di mana Kelantan akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Malaysia (Sukma)," katanya semasa sidang akhbar pada Kamis.

Sebelum itu beliau bersama Pengurus Projek Eksekutif Seksyen 1, Wang Guan Chao mengadakan lawatan teknikal ke tapak projek ECRL Seksyen 1 di Jerus, di sini.

Menurut Nik Soh, dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Malaysia Rail

Link Sdn Bhd (MRL) serta China Communications Construction (CCCL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) projek tersebut mampu disiapkan lebih awal.

Ujarnya, ia juga dibantu oleh teknologi baharu yang digunakan dapat membantu mempercepatkan kerja-kerja pembinaan.

Beliau memberitahu, dengan penggunaan mesin canggih, ia menjamin dari segi kebersihan, serta mengurangkan sisa-sisa pembinaan.

Dalam perkembangan lain, Nik Soh berkata, kemajuan yang dicapai bagi projek ECRL di Kelantan, Terengganu dan Pahang telah mencapai 45.1 peratus.

"Terengganu mendahului dengan pencapaian hampir mencapai kepada 65 peratus berbanding yang lain," ujarnya.

	0.1004	3.47
1 EURO	3.4643	3.47
1 DOLAR SINGAPURA	5.9374	5.9473
1 POUND UK	123.9037	124.0703
100 RIAL SAUDI	0.0311	0.0312



Nik Soh (kanan) sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Guan Chao semasa mengadakan lawatan teknikal ke tapak projek ECRL Seksyen 1 di Jerus, Pasir Puteh.